



**MAJLIS PERBANDARAN KULAI  
IKLAN JAWATAN KOSONG**

**RUJUKAN FAIL : MPKu. BPSM. 500 - 3/1 Jld.3**

**JAWATAN DAN SKIM PERKHIDMATAN : PENOLONG AKAUNTAN**

**GRED JAWATAN : W29**

**KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEWANGAN**

**JADUAL GAJI : RM 1,498.00 - RM 5,678.00**

**SYARAT LANTIKAN** 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c)
  - i) Sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpan kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM 1,510.92); atau
  - ii) Certified Accounting Technician (CAT) yang diiktiraf oleh Kerajaan;  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM 1,510.92); atau

- iii) Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan, atau perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institut pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM 1,776.08).

- iv) Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administration of United Kingdom dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM 2,001.68).

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

- : 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang- kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang Diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN  
SECARA LANTIKAN**

- : 3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- a)
  - i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); atau
  - ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- b) had umur pelantikan:
  - i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun ; atau
  - ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN** : 4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred W29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN** : 5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN** : 6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI MINDA / PEPERIKSAAN** : 7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

- PENGESAHAN  
DALAM  
PERKHIDMATAN** : 8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ perkhidmatan
- PERGERAKAN GAJI  
TAHUNAN** : 9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- KEPERLUAN  
KOMPETENSI DAN  
POTENSI** : 10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
- TARAF JAWATAN** : 11. **TETAP**
- TARIKH TUTUP  
PERMOHONAN** : 12. **18 MAC 2021**